



**SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

**HASIL LAWATAN KERJA YB DATUK SERI AHMAD MASLAN,
TIMBALAN MENTERI KEWANGAN 1 KE INCHEON, REPUBLIK
KOREA, PADA 1 HINGGA 5 MEI 2023**

YB Datuk Seri Haji Ahmad Haji Maslan, Timbalan Menteri Kewangan 1 (TMK1), telah mewakili YAB Perdana Menteri dan Menteri Kewangan bagi menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan dan Gabenor Bank Pusat ASEAN+3 Ke-26 dan mesyuarat-mesyuarat lain yang berkaitan pada 1 dan 2 Mei 2023, serta Mesyuarat Tahunan Lembaga Gabenor Bank Pembangunan Asia (ADB) Ke-56 dan mesyuarat-mesyuarat lain yang berkaitan dari 1 hingga 5 Mei 2023 di Incheon, Republik Korea.

YB TMK1 telah menyampaikan ucapnama dalam Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Kewangan dan Gabenor Bank Pusat sempena Ulang Tahun Ke-50 ASEAN – Jepun dan menzahirkan komitmen Malaysia dan ASEAN untuk meneroka kerjasama dan perkongsian baharu dalam bidang kewangan. Malaysia dan ASEAN juga berhasrat untuk memperluaskan kolaborasi strategik ASEAN – Jepun dalam perkhidmatan kewangan, perdagangan dan pelaburan, pembangunan infrastruktur, kerjasama pertahanan, pembangunan kapasiti, pelancongan, pendidikan, ICT, pertukaran budaya, serta sains dan teknologi. Dengan memanfaatkan kelebihan dan kepakaran negara masing-masing, ekosistem kewangan yang lebih mantap dan bersepadu dapat diwujudkan dan memberi faedah kepada negara-negara ASEAN dan Jepun.

Semasa ucapnama YB TMK1 sempena Mesyuarat Tahunan Lembaga Gabenor ADB Ke-56 pula, beliau telah memaklumkan prestasi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia yang mencatatkan prestasi

memberangsangkan dalam tempoh tiga (3) tahun iaitu 3.1 peratus bagi tahun 2021, 8.7 peratus bagi tahun 2022, dan dijangka mencapai 4.5 peratus bagi tahun 2023, sejajar dengan tinjauan ekonomi global terkini oleh Tabung Kewangan Antarabangsa dan Bank Dunia. Di bawah pentadbiran Kerajaan Perpaduan yang stabil dengan majoriti dua pertiga di Parlimen, Malaysia menyasarkan pencapaian ekonomi yang lebih baik pada masa akan datang. Konsep Malaysia Madani turut diketengahkan bagi menzahirkan wawasan masyarakat Malaysia yang bertamadun, berkemahiran dan inklusif berdasarkan enam nilai teras iaitu kelestarian, kemakmuran, inovasi, saling menghormati, amanah dan belas kasihan. Malaysia juga telah menyokong peranan penting ADB dalam membantu negara anggota bank tersebut bagi menangani cabaran perubahan iklim, meningkatkan prasarana digital dan mengurangkan kadar kemiskinan.

YB TMK1 juga telah berpeluang mengadakan pertemuan dua hala bersama TYT Wang Dong Wei, Timbalan Menteri Kewangan China. Semasa pertemuan tersebut, YB TMK 1 telah merujuk kepada hasil lawatan YAB Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Malaysia ke China baru-baru ini dan seterusnya menyatakan hasrat Malaysia agar komitmen pelaburan daripada China bernilai RM170 bilion dipermudahkan dan disusuli bersama.

Pertemuan dua hala bersama Mr. Masatsugu Asakawa, Presiden ADB juga turut diadakan. Di dalam pertemuan tersebut, YB TMK 1 telah menyambut baik inisiatif ADB dalam menyediakan dana berjumlah USD100 bilion daripada sumber bank tersebut melalui program *Innovative Finance Facility for Climate in Asia and the Pacific – IFCAP* bagi mengatasi cabaran perubahan iklim sehingga tahun 2030.

Kementerian Kewangan Malaysia
Putrajaya
6 Mei 2023